

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD

Rujukan Kami : MN/CIR/0003/2025

22hb OGOS 2025

Salam Sejahtera Maybankers,

MAJLIS PENGIKTIRAFAN KESATUAN MAYNEU OLEH PIHAK MAYBANK

Maybankers yang dihormati,



Pada tarikh 19hb Ogos 2025 yang bersejarah, satu majlis pengiktirafan **KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD** yang dikenali sebagai **MAYNEU** telah diadakan.

Majlis tersebut dihadiri oleh wakil daripada pihak kesatuan iaitu Presiden Wan Ahmad Nazrul Bin Wan Naw, Setiausaha Jesni Bin Mahmood, Penolong Setiausaha Shaik Abdul Malik Bin Abdul Razack, Bendahari Mohd Zakri Bin Idrus dan Penolong Bendahari Azwan Hazrulniza Bin Abu Hanipah. Manakala pihak Maybank Berhad di wakili oleh Ketua Jabatan Perhubungan Industri Dato' Brian Jit Singh, Ketua Perhubungan Kesatuan Harjit Singh, Ketua Jabatan Bahagian Operasi Mathew Jr dan Pegawai Perhubungan Industri Fariz Sulhi.

Semasa pertemuan tersebut wakil-wakil pihak kesatuan telah diberi penerangan berkenaan isu-isu signifikasi pekerjaan masakini, modal insan serta kebajikan pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank. Didalam majlis yang sama kami telah mengajukan isu-isu hangat seperti isu CA/CAR sehinggalah isu berkenaan penukaran kepala paip air yang tidak sesuai penggunaannya untuk pencucian tangan yang bersih di seluruh cawangan Maybank di Semenanjung Malaysia.

Kami beriltizam untuk terus bergerak ke hadapan demi untuk menjaga kebajikan warga pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank serta menunaikan janji kami untuk mendapatkan perjanjian kolektif (CA) terbaik didalam sejarah.

"MAYNEU - OLEH MAYBANKERS, UNTUK MAYBANKERS, DEMI MAYBANKERS."



**SETIAUSAHA
JESNI MAHMOOD**

s.k. Presiden, MAYNEU